

EDISI
JAN 2026



Untuk
layari laman
sesawang wadah
imbas kod QR ini.

JOM SCAN



NAHDAH

BERITA WADAH PENCERDASAN UMAT MALAYSIA



TINTA PRESIDEN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Memasuki tahun 2026, dunia menyaksikan pelbagai cabaran yang semakin kompleks, termasuk perpecahan umat, politik kebencian serta kecenderungan masyarakat terhadap polemik yang memecah-belahkan. Dalam suasana ini, Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) tidak boleh sekadar menjadi pemerhati pasif. Sebaliknya, gerakan ini perlu terus tampil memimpin masyarakat dengan hikmah, kesederhanaan dan kebijaksanaan, agar dakwah Islam terus menjadi jalan pencerahan yang menyatukan umat serta memandu masyarakat ke arah kehidupan yang lebih berakhlak dan sejahtera.

Dalam membina kepimpinan gerakan yang kukuh, Islam telah menetapkan syura sebagai prinsip asas. Allah SWT menegaskan bahawa urusan orang beriman diputuskan melalui musyawarah, manakala Rasulullah SAW sendiri diperintahkan untuk bermesyuarat dengan para sahabat dalam urusan kepimpinan. Hal ini menunjukkan bahawa syura bukan sekadar pendekatan pengurusan organisasi, tetapi suatu budaya kepimpinan yang menundukkan ego individu dan mengangkat hikmah kolektif demi kemaslahatan bersama.

Tradisi gerakan dakwah di negara ini juga menekankan pentingnya amal jama'iy yang berdisiplin. Almarhum Siddiq Fadzil, tokoh pemikir dan Presiden pertama WADAH, pernah menegaskan bahawa amal jama'iy tidak akan lestari tanpa syura. Amal jama'iy menuntut kita berfikir secara kolektif, membuat keputusan bersama serta memikul amanah dengan disiplin jamaah. Dalam konteks masyarakat yang semakin terdedah kepada perbezaan pandangan dan cabaran dunia digital, warga WADAH perlu terus memelihara adab ikhtilaf, mengutamakan budaya tabayyun serta mengelakkan tindakan yang boleh merosakkan kepercayaan dan kesatuan gerakan.

Justeru, memasuki tahun 2026, marilah kita bersama-sama menghidupkan budaya syura, memperkukuh amal jama'iy serta memimpin umat dengan hikmah dan rahmah. Jika syura dipelihara, jamaah dijaga dan niat disucikan, insya-Allah Wadah Pencerdasan Umat Malaysia akan terus menjadi gerakan yang membawa rahmat kepada umat dan negara.

DATO' HAJI AHMAD AZAM AB RAHMAN
Presiden
Wadah Pencerdasan Umat Malaysia

SG. MERAB, 3 JANUARI 2026 - Mesyuarat Exco WADAH Pusat telah diadakan pada 3 Januari 2026 bertempat di Anjung Rahmat, Sungai Merab, sebagai pembuka tirai gerak kerja organisasi bagi tahun baharu. Mesyuarat ini menghimpunkan barisan kepimpinan utama bagi meneliti, menyelaras serta memperkukuh perancangan strategik WADAH untuk tahun 2026.

Perbincangan memberi tumpuan kepada penyelarasan gerak kerja awal tahun secara lebih tersusun dan berfokus, meliputi perancangan program tahunan di peringkat pusat dan negeri, penetapan keutamaan strategik organisasi serta pengukuhan agenda pencerdasan umat yang menjadi teras perjuangan WADAH. Penekanan turut diberikan kepada aspek pelaksanaan yang lebih berimpak, berdaya ukur serta selari dengan keperluan semasa masyarakat.

EXCO WADAH PUSAT RANGKA HALA TUJU 2026, **PERKUKUH AGENDA PENCERDASAN UMAT**



SEMINAR EKONOMI WANITA MADANI PERKASA AGENDA PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI

CYBERJAYA, 4 JANUARI 2026 - Seminar Ekonomi Wanita MADANI, yang dianjurkan oleh PEKAWANIS pada 5 Disember 2025 di Dewan Semarak, Cyberjaya, berjaya menghimpunkan ratusan wanita termasuk usahawan, suri rumah, dan belia dari daerah Sepang. Program ini disokong oleh Datin Seri Masdiana Muhamad (Penasihat Program) dan YBrs. Dr. Ani binti Ahmad, DSM, Yang Dipertua MP Sepang, menandakan komitmen pihak berkuasa tempatan terhadap pembangunan sosio-ekonomi wanita.

Seminar ini menekankan prinsip Malaysia MADANI, menggabungkan

teknologi moden, pengetahuan ekonomi kritikal dan akses langsung kepada program bantuan kerajaan. Ia dirangka khusus untuk usahawan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), suri rumah, serta belia wanita, dengan tujuan membina ke-mandirian, daya saing dan hala tuju jelas dalam bidang keusahawanan.

Kehadiran pemimpin wanita merentas parti dan wakil masyarakat tempatan, termasuk 150 pemimpin wanita dari PKR, AMANAH, DAP, UMNO serta JPP Putra Perdana & Dengkil, menegaskan bahawa agenda ekonomi wanita adalah isu nasional yang merentasi ideologi demi kesejahteraan komuniti.





PRESIDEN SANTUNI WADAH PULAU PINANG, SEMARAK USRAH & LAKAR SEJARAH PECAH TANAH SEMI ADDINIAH



PERMATANG PAUH, 9 JANUARI – 10 JANUARI 2026 - Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, telah mengadakan pertemuan bersama pimpinan WADAH Pulau Pinang pada 9 Januari 2026 di Pusat Tunas Nahdah Permatang Pauh. Pertemuan tersebut berlangsung dalam suasana ukhuwah melalui kegiatan usrah dan pengisian khas oleh Presiden yang menekankan kepentingan pengukuhan fikrah, kesatuan saf serta kesiapsiagaan gerakan dalam mendepani cabaran semasa.

Keesokan harinya, pada 10 Januari 2026, beliau menyempurnakan Majlis Pecah Tanah Dewan Serbaguna Semi Addiniah yang menjadi simbol komitmen berterusan terhadap pembangunan pendidikan. Majlis tersebut menandakan bermulanya pembinaan kemudahan baharu bagi menyokong aktiviti pelajar dan warga sekolah, sekali gus memperkukuh prasarana pendidikan yang lebih kondusif dan menyeluruh.



1 DEKAD ANJUNG RAHMAT DIRAI, PRESIDEN SEMPURNAKAN PERASMIAN

SG. MERAB, 11 JANUARI 2026 - Sambutan 1 Dekad Anjung Rahmat telah berlangsung dalam suasana penuh kesyukuran dan ukhuwah pada 11 Januari 2026 bertempat di Anjung Rahmat, Sungai Merab, sebagai memperingati sepuluh tahun peranan pusat ini dalam mendukung agenda dakwah dan pembangunan umat.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Presiden Wadah Pencerdasan Umat (WADAH), Dato' Haji Ahmad Azam bin Ab Rahman yang dalam ucapannya menegaskan bahawa Anjung Rahmat bukan sekadar sebuah premis fizikal, tetapi simbol ke-sungguhan gerakan dalam membina tapak pengkaderan, penyatuan fikrah serta pengukuhan jaringan strategik. Beliau turut menyeru agar seluruh warga gerakan terus memaknai fungsi pusat ini sebagai medan tarbiyah dan pemeraksanaan masyarakat secara berterusan.





WAKAF MEDIA DILANCAR DI PUTRAJAYA: WADAH SOKONG PEMERKASAAN DAKWAH DIGITAL BERTERASKAN WAKAF

PUTRAJAYA, 14 JANUARI 2026

- Inisiatif Wakaf Media hasil kerjasama antara Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) dan TV AlHijrah telah dilancarkan sebagai langkah strategik memperkasa dakwah digital melalui instrumen wakaf yang mampan dan berimpak tinggi.

Majlis pelancaran yang berlangsung di The Everly Hotel Putrajaya itu disempurnakan oleh YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) merangkap Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YWM. Turut hadir ialah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), kepimpinan YWM dan TV AlHijrah, ketua-ketua agensi agama serta rakan media.

Program ini turut dihadiri oleh Setiausaha Agung Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Tuan Haji Azizuddin bin Ahmad, sebagai manifestasi sokongan WADAH terhadap usaha memperkukuh ekosistem dakwah berasaskan teknologi dan media.



KONVENSYEN DAKWAH 2026: SINERGI NGO & DIGITAL TANGANI KRISIS SOSIAL

KUALA LUMPUR, 14 JANUARI 2026 - Lebih 200 aktivis, ilmuwan dan wakil NGO berhimpun di Konvensyen Dakwah Negara 2026 di Kingston 10 @ Unicorn Hotel, Kuala Lumpur, bagi membincangkan strategi baharu dakwah menghadapi cabaran sosial di era digital. Program ini dianjurkan oleh YADIM dan SALWA Malaysia, dengan kerjasama MAIWP, JAWI, PDRM serta WADAH.

Menteri di JPM (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, menekankan pentingnya pendekatan digital dan program komuniti untuk memperluas capaian dakwah

selaras aspirasi Malaysia MADANI. Mufti Wilayah Persekutuan, SS Ustaz Ahmad Fauwaz, menyeru pengukuhan tauhid sebagai asas membina masyarakat, sementara forum menekankan peranan wanita dan kerjasama bersepadu NGO-agensi kerajaan. Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, menegaskan kepentingan kolaborasi strategik, disokong YADIM, SALWA dan tokoh IKIM, bagi membentuk pelan tindakan dakwah yang bersinergi, saintifik dan berhikmah demi kesejahteraan umat Islam di Malaysia.




ROUND TABLE DISCUSSION UPSR & PT3: SINERGI TENAGA PENGAJAR & NGO ISLAM

SG. MERAB, 16 JANUARI 2026 -

Seramai 30 tenaga pengajar dan wakil NGO Islam berhimpun di Anjung Rahmat, Sungai Merab bagi Round Table Discussion (RTD) UPSR & PT3 pada 16 Januari 2026. Perbincangan menumpukan cadangan kerajaan untuk mengembalikan pelaksanaan UPSR & PT3 serta implikasinya terhadap sistem pendidikan negara.



SCAN UNTUK
SUMBANGAN



JOM DAFTAR
AHLI WADAH



MESYUARAT PENYELARASAN BERSAMA AKADEMI KENEGARAAN MALAYSIA

PUTRAJAYA, 19 JANUARI 2026 -

Sebuah Delegasi Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) yang diketuai oleh Penolong Setiausaha Agung WADAH, Encik Khairul Arifin bin Mohd Munir, telah mengadakan mesyuarat penyelarasan bersama Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) pada 19 Januari 2026 yang lepas bagi membincangkan penyelarasan program secara umum.




WADAH & APM BERGABUNG TENAGA: LANGKAH BAHARU PERKASA KOMUNITI BERDAYA TAHAN



KAJANG, 20 JANUARI 2026 - Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) mengadakan kunjungan hormat ke Ibu Pejabat Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) pada 20 Januari 2026 sebagai langkah memperkukuh kerjasama strategik dan teknikal dalam aspek pengurusan bencana, latihan kecemasan serta pemerkasaan komuniti.

Delegasi WADAH seramai empat orang yang diketuai oleh Mej. Jeneral Dato' Yusri bin Anwar (Pesara), Ahli Jawatankuasa Pusat WADAH, telah disambut oleh Ketua Pesuruhjaya APM, YAS KPj. (PA) Mohammad Abiddin bin Ab Rahman bersama barisan pegawai kanan. Pertemuan tersebut membuka ruang perbincangan dua hala yang konstruktif mengenai perkongsian kepakaran pertahanan awam, peluang latihan teknikal kepada sukarelawan serta pembangunan kapasiti masyarakat agar lebih bersedia menghadapi situasi kecemasan dan bencana.



WADAH TEMUI MENTERI AGAMA: AGENDA PENDIDIKAN, DAKWAH DIGITAL & TRANSFORMASI KOMUNITI DIPERKASA

KUALA LUMPUR, 21 JANUARI 2026 - Pimpinan Kanan Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) mengadakan pertemuan rasmi yang diketuai oleh Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, bersama Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, pada 21 Januari 2026 di Menara Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) bagi memperkukuh kerjasama strategik dalam agenda pembangunan umat.

Pertemuan tersebut membincangkan hala tuju pendidikan agama termasuk pemerkasaan Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan kelas KAFA sebagai asas pembinaan sahsiah generasi muda. WADAH menegaskan keperluan memperkukuh sistem sokongan, infrastruktur serta kebajikan tenaga pengajar bagi memastikan kualiti pendidikan terus terjamin. Dalam masa sama, penekanan turut diberikan kepada pembangunan influencer dakwah yang berilmu dan beretika bagi memperluas dakwah moden secara terancang dalam era digital.

Isu pemerkasaan wanita turut menjadi fokus, khususnya inisiatif sokongan pasca cerai yang menyediakan bimbingan emosi, bantuan guaman dan pemerkasaan ekonomi agar kebajikan ibu serta anak terus terpelihara.

Pertemuan ini turut menyaksikan pembentangan Projek Semarak Nahdah, sebuah inisiatif pembangunan komuniti bandar yang menyasarkan golongan B40 dan asnaf melalui latihan kemahiran, pendidikan, serta sokongan psikososial. Projek ini berhasrat melahirkan komuniti berdaya tahan dengan menggerakkan kepimpinan lokal melalui pendekatan pemberdayaan yang mampan, bukan sekadar bantuan bersifat sementara.



BENGKEL WAHDATUL FIKR JOHOR SATUKAN FIKRAH, PERKUKUH AGENDA ISLAH

JOHOR BAHRU, 25 JANUARI 2026 - Bengkel Wahdatul Fikr diadakan di Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) Wilayah Selatan menghimpunkan pimpinan dan ahli Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) Johor, Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) Johor, dan Kesatuan Pelajar Islam Johor (KPIJ) bagi memperkukuh kesepaduan pemikiran dan gerak kerja antara generasi pelajar, belia dan pimpinan.

Slot utama disampaikan oleh Presiden WADAH, Ahmad Azam Ab Rahman, yang menekankan kepentingan agenda islah, integriti institusi dan ketahanan tamadun berasaskan nilai serta moral masyarakat, dengan merujuk pemikiran Ibn Khaldun.



SUARA BELIA MYANMAR BERGEMA DI KUALA LUMPUR: WADAH & SUHAKAM PERKUKUH SOLIDARITI KEMANUSIAAN



KUALA LUMPUR, 26 JANUARI 2026 - Satu sesi dialog bersama pemimpin belia Myanmar telah berlangsung di Muzium Kesenian Islam Malaysia, menghimpunkan Presiden Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, serta wakil Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM).

Presiden WADAH menegaskan komitmen berterusan gerakan masyarakat madani Malaysia untuk mendukung nilai kemanusiaan sejagat dan memperkukuh jaringan advokasi rentas negara. Kehadiran SUHAKAM pula memperlihatkan keseriusan pelbagai pihak dalam memastikan isu hak asasi terus diberikan perhatian di peringkat nasional dan antarabangsa.

IMNR 2025 CATAT PENINGKATAN: WADAH SOKONG BUDAYA RAHMAH BERASASKAN REALITI RAKYAT

PETALING JAYA, 28 FEBRUARI - Sesi pembentangan dan sidang media Laporan Indeks Malaysia Negara Rahmah (IMNR) 2025 telah berlangsung pada 28 Januari 2026 (Rabu), jam 11.00 pagi hingga 1.00 petang di Hotel Armada Petaling Jaya.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Setiausaha Agung Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Tuan Haji Azizuddin bin Ahmad, sebagai manifestasi komitmen WADAH dalam memperkukuh wacana Negara Rahmah berteraskan dapatan kajian dan maklum balas rakyat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Zulkifli Hasan, menyifatkan IMNR yang diasaskan oleh Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) sebagai instrumen penting dalam membentuk pemikiran masyarakat yang lebih progresif, dinamik dan berteraskan maqasid serta rahmah.

IMNR 2025 merekodkan skor keseluruhan 7.42, meningkat berbanding tahun 2023. Dapatan menunjukkan kekuatan pada aspek institusi keluarga dan keharmonian antara etnik serta agama, manakala isu agihan kekayaan dan kemampunan ekonomi memerlukan perhatian berterusan.



WADAH JOHOR TERIMA KUNJUNGAN ISTIMEWA PENGURUS MAJLIS SYURA KEBANGSAAN



JOHOR BAHRU, 28 JANUARI 2026 - Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) Johor menerima kunjungan istimewa daripada YB Senator Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman, Pengerusi Majlis Syura Kebangsaan, pada 28 Januari 2026. Kehadiran beliau menandakan sokongan berterusan terhadap program pembangunan

kepemimpinan dan pengukuhan intelektual di peringkat negeri.

Turut hadir dalam pertemuan ini adalah Penolong Setiausaha Agung WADAH, Encik Khairul Ariffin Mohd Munir, yang bersama-sama memanfaatkan sesi lawatan bagi memperkukuh agenda pemerkasaan organisasi, tadbir urus dan hala tuju dakwah di Johor.

USRAH GABUNGAN SATUKAN WADAH, ABIM & GERAKAN PELAJAR DI OUTREACH OASIS BUKIT BINTANG



KUALA LUMPUR, 28 JANUARI 2026 - Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, Presiden WADAH, bersama Tuan Haji Azizuddin Ahmad, Setiausaha Agung WADAH beserta beberapa pimpinan WADAH yang lain menghadiri Usrah Gabungan yang menyatukan Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Persatuan Pelajar Islam Selangor (PEPIAS), dan Persatuan Pelajar Islam Wilayah Persekutuan (PPIWP) di Outreach Oasis Bukit Bintang (OOBB).

Program ini menjadi platform memperkukuh ukhuwah, kesepaduan fikrah, dan penyelarasan gerak kerja antara pimpinan serta ahli dari Selangor dan Wilayah Persekutuan, khususnya dalam menghadapi cabaran dakwah bandar. Sesi tazkirah dan perbincangan menekankan pengukuhan budaya ilmu, pembinaan generasi pelapis berintegriti dan gerak kerja dakwah berimpak tinggi.

SINERGI UMMAH RENTAS SEMPADAN: KUNJUNGAN MAHABBAH AL-QUDS PERKASA AGENDA INFAQ PENDIDIKAN

KAJANG, 26 JANUARI 2026 - Satu Kunjungan Mahabbah pimpinan Al-Quds telah berlangsung di Kolej Dar al-Hikmah, menghimpunkan wakil pimpinan Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) dan Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM). Turut hadir ialah Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman, sebagai tanda komitmen kepimpinan tertinggi terhadap agenda kerjasama strategik ini.

Pertemuan tersebut menjadi medan perbincangan sinergi kerjasama khususnya dalam membina ruang infaq pendidikan bagi menggalakkan lebih ramai pelajar menyambung pengajian di institusi berteraskan nilai Islam. Usaha ini dilihat sebagai langkah proaktif memperluas akses pendidikan serta memperkukuh kelestarian institusi ilmu melalui sokongan masyarakat.



PERMUKIMAN KEPIMPINAN NGO MADANI KEBANGSAAN HIMPUNKAN PIMPINAN GERAKAN ISLAM

KUALA LUMPUR, 30 JANUARI hingga 1 FEBRUARI 2026 - Permukiman Kepimpinan NGO MADANI Kebangsaan yang berlangsung di Institut Kepimpinan dan Pembangunan (IKP), Akademi Kenegaraan Malaysia (AKM) telah menghimpunkan pimpinan utama gerakan masyarakat madani termasuk WADAH, ABIM dan PKPIM bagi membincangkan hala tuju gerakan dakwah serta cabaran semasa negara.

Program tiga hari ini menjadi wadah penting dalam memperkukuh jaringan kepimpinan NGO Islam serta memperteguh kefahaman mengenai peranan gerakan masyarakat madani dalam membina Malaysia MADANI.

Program bermula pada 30 Januari dengan sesi pendaftaran peserta diikuti ucapan alu-aluan oleh Pengarah Program serta taklimat perjalanan program oleh pihak Akademi Kenegaraan Malaysia.



HARI PERTAMA



1 SLOT pertama menampilkan sesi Interaktif Kenegaraan yang disampaikan oleh Encik Kamaarularifin dari AKM. Sesi ini memberi pendedahan kepada peserta mengenai kepentingan kefahaman kenegaraan dalam kalangan pimpinan NGO agar gerakan masyarakat madani terus memainkan peranan konstruktif dalam pembangunan negara.

2 PADA sebelah malam, peserta mengikuti Kuliah Maghrib bertajuk “Tuntutan Harakah Islamiyyah” yang disampaikan oleh Dr. Abdul Halim El-Muhammady, Ketua Majlis Istisaryi WADAH. Beliau menekankan kepentingan komitmen gerakan Islam dalam membimbing masyarakat melalui dakwah yang berteraskan nilai Islam yang menyeluruh.



3 HARI pertama diakhiri dengan sesi perbincangan kumpulan menggunakan analisis SWOT yang dikendalikan oleh Khairul Ariffin Mohd. Munir bagi menilai kekuatan, kelemahan, peluang dan cabaran gerakan NGO Islam.

HARI KEDUA

1 HARI kedua dimulakan dengan qiamullail, solat subuh serta kuliah subuh bertajuk “Tanzim Harakiy Nadi Gerakan dan Kepimpinan Ummah” yang disampaikan oleh Ustaz Hasri Harun, Timbalan Presiden WADAH. Beliau menegaskan bahawa pengurusan organisasi yang tersusun merupakan asas penting dalam memastikan kelangsungan gerakan dakwah.



5 **SEMENTARA** itu, Ketua Pengarah Akademi Kenegaraan Malaysia, Dato' Dr. Roslan Hussin membincangkan cabaran serta harapan terhadap Kerajaan Perpaduan dalam membina Malaysia MADANI serta kepentingan kerjasama erat antara kerajaan dan masyarakat sivil.



2 **SLOT** seterusnya menampilkan pembentangan oleh Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Abdul Rahman melalui tajuk “Gerakan Dakwah: Warisan dan Wawasan.” Beliau mengimbuai sejarah perjuangan gerakan dakwah di Malaysia serta menyeru generasi pelapis agar meneruskan warisan tersebut dengan visi yang lebih segar dan strategik.

6 **SLOT** berkaitan politik pula menampilkan Pengerusi IDE Research Centre, YB Senator Prof. Emeritus Dato' Dr. Mohammad Redzuan Othman yang mengupas cabaran politik semasa serta persiapan menuju Pilihan Raya Umum ke-16.



3 **SESI** diteruskan dengan pembentangan oleh Presiden ABIM, Ahmad Fahmi Samsudin melalui tajuk “Generasi Nusa MADANI: Iltizam ABIM Untuk Masa Hadapan.” Beliau menekankan peranan beliau dalam memacu pembangunan ummah melalui pendidikan, aktivisme sosial serta penglibatan masyarakat. Permukiman turut mengetengahkan pelbagai isu semasa melalui beberapa sesi pembentangan tokoh penting.



7 **TURUT** berlangsung sesi Gerakan Dakwah Pelajar: Gerbang Perkaderan yang disampaikan oleh Presiden PKPIM, Muhammad Adib Irfan Fazil yang menegaskan kepentingan gerakan pelajar sebagai tapak pembinaan kader kepimpinan masa depan.

8 **PADA** sebelah malam, peserta mengikuti Diskusi Gerakan bagi memperkukuh perkongsian idea dan strategi dalam kalangan pimpinan NGO.



9 **HARI** terakhir permukiman dimulakan dengan qiamullail dan bacaan Al-Ma'thurat sebelum diteruskan dengan Bicara Khas oleh Mohd Raimi Abd Rahim.



4 **YANG** Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM), Dato' Dr. Hassan Baharom menyampaikan slot bertajuk “Pendakwah dan Dakwah: Mendeapani Isu Sosial Umat.” Beliau menegaskan bahawa pendakwah masa kini perlu memahami realiti masyarakat yang semakin kompleks dan menggunakan pendekatan dakwah yang ber hikmah.



HARI TERAKHIR



- 1 HARI** terakhir permukiman dimulakan dengan qiamullail dan bacaan Al-Ma'thurat sebelum diteruskan dengan Bicara Khas oleh Mohd Raimi Abd Rahim.



- 2 PROGRAM** kemudian diteruskan dengan pembentangan Pelan Tindakan Strategik oleh Azizuddin Ahmad, Ahmad Fawwaz Ahmad Shukri dan Syamil Omar yang menggariskan beberapa cadangan memperkukuh kerjasama gerakan masyarakat madani.

- 3 KEMUNCAK** program ialah Sidang Pengukuhan Gerakan yang menampilkan ucapan pimpinan pelbagai organisasi termasuk HEWI PKPIM, HELWA ABIM, SALWA Malaysia, Presiden PKPIM dan Presiden ABIM.



- 4 PERMUKIMAN** diakhiri dengan Amanat Perjuangan oleh Presiden WADAH, Dato' Haji Ahmad Azam Abdul Rahman yang menyeru seluruh pimpinan gerakan agar terus memperkukuh kesatuan saf perjuangan, mempererat ukhuwah antara organisasi serta memainkan peranan aktif dalam membina masyarakat MADANI yang berteraskan nilai Islam, keadilan dan kesejahteraan bersama.



- 5 PROGRAM** berakhir dengan sesi bergambar dan makan tengah hari sebelum para peserta bersurai.

SOKONGAN TERHADAP PENDEKATAN DAN PENDIRIAN PERDANA MENTERI DALAM AMANAT TAHUN BAHARU 2026

5 JANUARI 2026

WADAH dengan ini menyatakan sokongan penuh terhadap pendirian, gagasan dan hala tuju yang telah digariskan oleh YAB Perdana Menteri dalam Ucapan Amanat Tahun Baharu 2026. Ucapan tersebut bukan sahaja mencerminkan kejelasan visi kepimpinan negara, tetapi juga menegaskan komitmen kerajaan terhadap reformasi institusi, integriti pentadbiran, perpaduan nasional dan pembangunan ekonomi yang mampan.

Sebagai sebuah organisasi yang sentiasa memperjuangkan nilai keilmuan, integriti dan pembinaan masyarakat madani, WADAH melihat ucapan ini sebagai satu pendirian dasar yang penting untuk memandu negara ke arah masa depan yang lebih stabil, adil dan berdaya saing.

1 Kepimpinan Yang Bermula Dengan Langkah Yang Tepat

WADAH percaya bahawa kejayaan sesebuah kerajaan bergantung kepada keberanian dan ketegasan kepimpinan dalam memulakan langkah yang betul. Pendekatan Perdana Menteri yang menekankan prinsip negara hukum, kebertanggungjawaban, dan keutamaan rakyat adalah asas yang perlu diperkukuh oleh seluruh jentera kerajaan.

Kami menegaskan bahawa kerjasama erat antara anggota kabinet, penjawat awam dan parti-parti dalam Kerajaan Perpaduan adalah syarat utama untuk memastikan segala dasar dan pembaharuan dapat dilaksanakan dengan berkesan. Tanpa kesepaduan politik dan pentadbiran, agenda reformasi akan terbantut dan rakyat akan menjadi mangsa kegagalan sistem.

2 Menolak Politik Perpecahan dan Sentimen Kaum

WADAH memandang serius terhadap usaha pihak tertentu yang cuba menimbulkan keresahan kaum dan agama. Dalam masyarakat majmuk seperti Malaysia, politik berasaskan ketakutan, kebencian dan perpecahan tidak boleh diberi ruang.

Kami berpendirian bahawa:

- Sentimen perkauman dan ekstremisme agama tidak membawa sebarang manfaat kepada negara.
- Malaysia telah lama berdiri atas asas kemajmukan yang harmoni, dan asas ini mesti dipertahankan.
- Kepimpinan negara perlu terus

memupuk kepercayaan antara kaum, bukan memanipulasi perbezaan untuk kepentingan politik sempit.

WADAH menyeru semua pihak—termasuk parti politik, NGO, tokoh masyarakat dan media—untuk memainkan peranan dalam meredakan ketegangan dan mengangkat wacana yang lebih matang serta membina.

3 Komitmen Terhadap Integriti, Ketelusan dan Memerangi Rasuah

WADAH menyambut baik penegasan Perdana Menteri bahawa rasuah dan ketirisan mesti diperangi tanpa kompromi, sama ada melibatkan ahli politik, penjawat awam, agensi keselamatan atau mana-mana pihak berkepentingan.

Kami percaya bahawa:

- Negara tidak boleh maju jika budaya rasuah terus berakar.
- Pembaharuan institusi seperti pemisahan kuasa Pendakwa Raya dan Peguam Negara, penubuhan Ombudsman, serta pelaksanaan Akta Kebebasan Maklumat adalah langkah penting ke arah pentadbiran yang lebih telus.
- Kepimpinan yang berani menegakkan integriti akan mengembalikan keyakinan rakyat dan pelabur terhadap Malaysia.
- WADAH akan terus menyokong segala usaha yang memperkukuh integriti negara dan menolak sebarang cubaan melemahkan institusi penguatkuasaan.

4 Perpaduan Nasional dan Ekonomi Yang Mampan

WADAH bersetuju bahawa perpaduan nasional adalah prasyarat kepada kemajuan ekonomi. Tanpa kestabilan sosial dan politik, pelaburan tidak akan berkembang dan rakyat tidak akan menikmati kesejahteraan.

WADAH berharap kesungguhan fokus kerajaan terhadap:

- Pembangunan ekonomi yang inklusif, merangkumi semua wilayah termasuk Sabah dan Sarawak.
- Pengukuhan PMKS, yang merupakan tulang belakang ekonomi negara.
- Peningkatan kecekapan perkhidmatan awam, termasuk pendigitalan dan penggunaan teknologi baharu.
- Pengurusan kos sara hidup, melalui program bantuan bersasar dan intervensi pasaran yang lebih cekap.
- Pendekatan ini selari dengan aspirasi



WADAH untuk melihat Malaysia muncul sebagai negara maju yang seimbang dari segi ekonomi, sosial dan moral.

5 Seruan Untuk Terus Bersama Membina Negara

WADAH percaya bahawa ucapan Perdana Menteri ini adalah satu panggilan untuk seluruh rakyat Malaysia—tanpa mengira kaum, agama atau latar belakang politik—untuk bersama-sama membina masa depan negara.

Kami menyeru:

- Semua pihak untuk mengutamakan kepentingan negara mengatasi kepentingan kelompok.
- Pemimpin masyarakat untuk menjadi jambatan perpaduan, bukan pencetus perpecahan.
- Rakyat untuk terus menyokong usaha pembaharuan yang membawa manfaat jangka panjang.

Malaysia hanya akan berjaya jika kita memilih untuk bersatu, bekerja dengan jujur dan menolak segala bentuk ketirisan serta salah guna kuasa.

WADAH sekali lagi menegaskan sokongan terhadap pendirian Perdana Menteri yang menekankan integriti, perpaduan dan pembaharuan institusi. Kami percaya bahawa dengan kepimpinan yang tegas, dasar yang jelas dan sokongan rakyat, Malaysia mampu melangkah ke hadapan sebagai sebuah negara yang lebih adil, makmur dan bermaruah.

WADAH akan terus memainkan peranan sebagai suara masyarakat madani yang kritis, konstruktif dan komited terhadap pembinaan negara bangsa.

Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman
Presiden WADAH

CADANGAN KERAJAAN MENGEMBALIKAN UPSR & PENTAKSIRAN TINGKATAN 3 (PT3) **PERLU DINILAI SECARA MENYELURUH DEMI MASA DEPAN PENDIDIKAN ANAK NEGARA**


19 JANUARI 2026

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) mengambil maklum cadangan Kerajaan untuk mengembalikan semula pelaksanaan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) & Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3).

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) berpandangan bahawa sebarang keputusan besar dalam dasar pendidikan nasional perlu dibuat secara berhikmah, berasaskan bukti, dan berteraskan pembangunan insan secara menyeluruh, selari dengan aspirasi Malaysia Madani.

1 Pendidikan Bukan Sekadar Peperiksaan

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) menegaskan bahawa pendidikan rendah seharusnya menjadi fasa pembinaan asas literasi, numerasi, adab, akhlak dan karakter, bukan medan persaingan berlebihan. Pengalaman lalu menunjukkan bahawa UPSR & Pentaksiran Tingkatan 3 (PT3) telah menyumbang kepada budaya exam-oriented yang menekan murid, guru dan ibu bapa, sekali gus mengecilkan ruang pembelajaran bermakna.

2 Penilaian Holistik Wajar Diperkukuh

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) menyokong pendekatan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang ditambah baik secara serius, telus dan konsisten. Penilaian berterusan yang menilai potensi murid secara holistik merangkumi akademik, sahsiah, kreativiti dan kemahiran berfikir lebih selari dengan keperluan pendidikan abad ke-21.

3 Kesiapsiagaan Sistem dan Guru Perlu Diutamakan

Sekiranya UPSR & PT3 ingin diteruskan atau diperkenalkan semula dalam apa jua bentuk, Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) berpandangan

bahawa kerajaan perlu terlebih dahulu memastikan:

- Kesiapsiagaan guru dari sudut latihan dan beban tugas
 - Kesaksamaan peluang antara sekolah bandar dan luar bandar
 - Sistem sokongan psikososial murid agar tidak berlaku tekanan melampau
- Tanpa persediaan rapi, perubahan dasar hanya akan menambah kekeliruan dan ketidakstabilan dalam sistem pendidikan.

4 Suara Pendidik, Ibu Bapa dan Pakar Wajar Didengari

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) menggesa agar kerajaan membuka ruang libat urus awam yang tulen melibatkan guru, ibu bapa, pakar pendidikan, NGO dan masyarakat sivil sebelum sebarang keputusan muktamad dibuat. Dasar pendidikan yang baik lahir daripada musyawarah, bukan keputusan tergesa-gesa.

5 Pendidikan Madani Menuntut Kebijaksanaan Dasar

Dalam kerangka Malaysia Madani, pendidikan harus melahirkan insan yang berilmu, beradab, beretika dan berfikir kritis, bukan sekadar cemerlang dalam ujian piawai. Oleh itu, Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) berpandangan bahawa fokus utama pendidikan negara perlu kekal kepada pembinaan insan dan tamadun, bukan kembali kepada pendekatan lama tanpa penilaian mendalam.

Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH) menegaskan bahawa masa depan pendidikan negara tidak wajar ditentukan oleh nostalgia sistem lama, tetapi oleh keberanian melakukan pembaharuan berasaskan hikmah, data dan nilai kemanusiaan. Keputusan berkaitan UPSR & PT3 mesti mencerminkan komitmen negara terhadap pendidikan yang adil, seimbang dan berteraskan insan.

“Pendidikan yang benar bukan sekadar menguji kecerdasan minda, tetapi membina kebijaksanaan insan.”

HASRI BIN HARUN
Timbalan Presiden Wadah

Kenyataan Akhbar



MENJUNJUNG TITAH YDPA: MEMPERKUKUH PEMBANTERASAN RASUAH DAN KEPIMPINAN BERTERASKAN INTEGRITI SERTA KEADILAN

19 JANUARI 2026

Wadah Pencerdasan Umat (WADAH) dengan ini menjunjung setinggi-tinggi titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang disampaikan di Parlimen Malaysia. Titah tersebut dengan tegas menekankan keperluan mendesak untuk memperkukuh tadbir urus negara, membanteras rasuah secara tuntas, serta memelihara kepentingan rakyat dan kedaulatan undang-undang.

Titah Baginda mencerminkan keprihatinan terhadap cabaran besar negara, khususnya berkaitan ketelusan, akauntabiliti dan integriti dalam pentadbiran. WADAH menegaskan bahawa rasuah bukan sahaja merugikan ekonomi, malah menghakis kepercayaan rakyat terhadap institusi dan melemahkan asas keadilan sosial.

Sehubungan itu, WADAH menyatakan sokongan penuh terhadap komitmen Kerajaan MADANI di bawah kepimpinan YAB Perdana Menteri. Usaha memperkasa institusi penguatkuasaan dan memastikan kebebasan badan kehakiman serta prinsip kebertanggungjawaban tanpa memilih bulu adalah langkah yang selari dengan semangat titah YDPA.

Kami percaya bahawa kepimpinan yang berani, telus dan berprinsip adalah kunci utama untuk memulihkan keyakinan rakyat. Pembanteraan rasuah mestilah dilaksanakan secara menyeluruh, konsisten dan bebas daripada campur tangan politik.

WADAH menyeru seluruh ahli Parlimen, penjawat awam serta rakyat Malaysia untuk bersama-sama menyahut titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan memperkukuh budaya integriti, menolak rasuah dalam apa jua bentuk, dan mempertahankan prinsip keadilan demi masa depan Malaysia yang lebih bersih, stabil dan sejahtera

Dato' Ahmad Azam Ab Rahman
Presiden WADAH

KONVENSYEN DAKWAH NEGARA: MENDEPANI ISU SOSIAL UMAT

SALWA Malaysia, Yayasan Dakwah Islamiah (YADIM), MAIWP dan WADAH telah menganjurkan Konvensyen Dakwah Negara di Kingston 10 (Unicorn Hotel) pada 14 Januari 2026. Majlis Perasmian Penutupan Konvensyen telah disempurnakan oleh YB Senator Dr. Zulkifli Hasan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Hal Ehwal Agama.

Panel konvensyen ialah SS Ustaz Ahmad Fauwaz bin Fadzil (Mufti Wilayah Persekutuan), Dato' Haji Ahmad Azam Ab Rahman (Presiden WADAH), Insp Roselina Abd Manaf (PDRM) dan Puan Imlah Abd Aziz (Ketua Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Pengurusan Dakwah JAWI),

Kehadiran peserta adalah seramai 226 orang daripada kalangan ilmuwan, pendakwah, pertubuhan bukan kerajaan, pertubuhan masyarakat sivil Islam, agensi kerajaan dan pemimpin komuniti.

Pelbagai isu sosial umat telah dibincangkan. Resolusi Konvensyen telah dihantar kepada YB Menteri JHEA sebagai pandangan dan cadangan peserta konvensyen untuk dipertimbangkan oleh pihak Kementerian dalam mendepani isu sosial umat yang semakin mencabar.



سَلْوَا
SALWA

BERITA
SALWA



BENGKEL PERANCANGAN STRATEGIK SALWA WILAYAH PERSEKUTUAN



BENGKEL selama tiga hari iaitu 23-25 Januari 2026 di Greenwood, Gombak. Kehadiran seramai 25 orang. Perasmian Penutupan oleh Pengerusi SALWA, Ustazah Nordiran Idris.

KLIK DENGAN BERHATI-HATI: WARGA EMAS SASARAN SCAMMER! PROGRAM PEMERKASAAN AKTIVITI WARGA EMAS PAWE@3A (ANYTIME, ANYWHERE, ANYPLACE)

SALWA Malaysia, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM), Wadah Pencerdasan Umat Malaysia (WADAH), HELWA Bandar Baru Bangi, Surau Ar Raudhah Bandar Baru Bangi telah menganjurkan Kuliah Ilmu Interaktif: Klik Dengan Berhati-Hati: Warga Emas Sasaran Scammer! pada 23 Januari 2026 (Jumaat) di Surau Ar-Raudhah, Seksyen 3 Bandar Baru Bangi.

Panel kuliah ialah Prof. Madya Ts. Dr. Nur Izura Udzir (Pakar Keselamatan Siber Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat UPM). Program ini membincangkan tentang kefahaman taktik dan modus operandi scammer, mengenal pasti tanda-tanda amaran serta engetahui langkah pencegahan dan tindakan. Dihadiri seramai 73 peserta terdiri daripada warga emas dan kariah masjid.



BENGKEL SEKELUARGA TOLAK PORNOGRAFI (STOP)



SALWA Malaysia dan Sekolah Menengah Islam (SEMI) ABIM Sg Ramal Dalam, Kajang telah menganjurkan Bengkel Sekeluarga Tolak Pornografi (STOP) pada 24 Januari 2026 (Sabtu) di Sekolah Menengah Islam (SEMI) ABIM Sg Ramal Dalam, Kajang

Program Pra-Uji Modul Sekeluarga Tolak Pornografi (SToP) 2.0, iaitu satu fasa penting sebelum pelaksanaan modul ini secara meluas di seluruh negara bermula tahun 2026. Program pra-uji ini bertujuan menilai tahap keberkesanan, kesesuaian kandungan, pendekatan penyampaian serta impak awal Modul SToP 2.0 terhadap kumpulan sasaran terpilih. Dihadiri seramai 37 peserta terdiri daripada guru-guru SEMI/ SERI, AJK BAKA SEMI/ SERI, AYG dan ahli SALWA.

